

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Kuala Lumpur, Selangor catat peningkatan permintaan |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro  |             |                     |
| Date       | 14 Feb 2020   | Color       | Full Color          |
| Section    | Supplement  | Circulation | 112,705             |
| Page No    | PP42  | Readership  | 338,115             |
| Language   | Malay   | ArticleSize | 311 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 12,205           |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 36,615           |



## Kuala Lumpur, Selangor catat peningkatan permintaan

FOTO ZUNNURAL SHAFIQ



PREMENDRAN dan David Mawer (kanan) ketika melancarkan portal 'Demand Analytic' 2019 baru-baru ini.

Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor merekodkan jumlah carian tertinggi pembeli rumah pada tahun lalu. Ia didedahkan portal hartanah iProperty.com.my.

Pengurus Besar Penyelesaian Data Pelanggan REA Group Asia, Pramendran Pathmanathan berkata, secara keseluruhan permintaan terhadap hartanah di Kuala Lumpur turut mencatatkan peningkatan sebanyak 19.8 peratus.

"Susulan daripada peningkatan populasi penduduk di Kuala Lumpur, permintaan kediaman di Selangor turut bertambah 22.4 peratus pada tahun lalu.

"Jumlah peningkatan itu turut disumbangkan oleh peningkatan carian rumah jenis teres," katanya dalam

taklimat Trend Permintaan Hartanah Kediaman Sekunder Malaysia bagi tahun 2019, baru-baru ini. Hadir sama, Pengurus Besar iProperty.com.my David Mawer.

Katanya, terdapat peningkatan dari segi kunjungan unik untuk pencarian hartanah di seluruh negara sepanjang tahun lalu, sekali gus menyokong laporan

bahawa sentimen pengguna meningkat.

"Namun, ia masih belum mencukupi kerana tidak bermaksud yang jika seseorang ingin membeli, maka individu itu akan

terus membeli kediaman berkenaan.

"Ia perlu diterjemahkan kepada transaksi dan ini bergantung kepada bekalan hartanah sekunder yang ada di dalam pasaran, harganya dan juga lokasi hartanah berkenaan," katanya.

Tambahnya, pada tahun lalu rumah teres, kondominium dan apartmen antara jenis rumah tertinggi yang dicari pembeli.

Mengulas lanjut, pada masa ini, sedang berlaku peralihan daripada pasaran pembeli ke pasaran penjual di negeri tertentu.

"Sebagai contoh di Johor, ia dilihat masih didominasi pasaran pembeli kerana mempunyai lambakan hartanah sekunder di sana," katanya.

Beliau berkata, Kota Kinabalu kekal sebagai

bandar yang mendapat permintaan tinggi sehingga 24.72 peratus dalam kalangan pembeli.

"Ia diikuti Petaling Jaya sebanyak 22.13 peratus, Shah Alam (18.26 %) dan Kuala Lumpur (17.84 %)," katanya.

Menurutnya, nilai hartanah yang menawarkan harga mampu milik sebelum ini mula menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa.

"Seremban umpamanya menawarkan hartanah pada harga RM200,000 adalah satu pilihan menarik ditambah dengan beberapa faktor lain termasuk berhampiran dengan Lembah Klang.

"Keadaan ini menyumbang kepada peningkatan nilai hartanah kepada 9.91 peratus," katanya.